

**PERKEMBANGAN DEWAN PERNIAGAAN DAN  
PERINDUSTRIAN INDIA DI PANTAI BARAT  
SEMPENANJUNG MALAYSIA SEBELUM MERDEKA**

**VASANTHI A/P NADESAN**

**JABATAN SEJARAH  
FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL  
UNIVERSITI MALAYA  
2003**

Perpustakaan Universiti Malaysia



**PERKEMBANGAN DEWAN PERNIAGAAN DAN  
PERINDUSTRIAN INDIA DI PANTAI BARAT  
SEMPENANJUNG MALAYSIA SEBELUM MERDEKA**

**VASANTHI A/P NADESAN  
NO. MATRIK: AGE 99007**

**Disertasi bagi memenuhi keperluan Ijazah Sarjana Sastera dan  
Sains Sosial**

**JABATAN SEJARAH  
UNIVERSITI MALAYA  
2003**


## **DEDIKASI**

***Khas.....***

*buat ibu bapa tersayang, suami tercinta, anak yang  
dikasihi serta keluarga tersayang.*

## **PERAKUAN**

Saya seperti nama di bawah mengaku bahawa projek penyelidikan disertasi ini adalah hasil usaha saya sendiri. Sebarang petikan dan bahan serta pendapat orang lain telah dinyatakan sumbernya.

 18.04.03

NAMA: VASANTHI A/P NADESAN

NO. MATRIK: AGE 99007

ALAMAT: NO.80, JALAN T/S 6, TAMAN SAGA, 28700 BENTONG,  
PAHANG DARUL MAKMUR.

## **PENGHARGAAN**

Dalam menyiapkan Disertasi ini saya terhutang budi kepada pihak-pihak tertentu yang banyak meluangkan masa membantu penyelidikan dan hasil tulisan ini. Ucapan terima kasih semata-mata tidak mampu membalas jasa mereka. Tunjuk ajar serta nasihat Profesor Dato' Dr. Ramlah Adam yang memberikan idea dan saranan-saranan sewaktu saya memilih tajuk serta membimbing saya sepanjang penulisan kajian ini sebagai penyelia disertasi ini saya amat hargai. Ucapan terima kasih juga kepada profesor-profesor, profesor-profesor madya dan pensyarah-pensyarah Jabatan Sejarah yang membantu dan membimbing saya sepanjang kursus sarjana.

Ucapan terima juga kepada Dewan Perniagaan dan Perindustrian Kuala Lumpur dan Selangor dan Pulau Pinang khasnya setiausaha dan eksekutif-eksekutif dewan-dewan tersebut atas bantuan mendapatkan maklumat dan sumber-sumber berkaitan dengan kajian ini.

Ucapan terima kasih juga kepada kakitangan Arkib Negara Malaysia khasnya di bahagian Dewan Penyelidikan atas bantuan mendapatkan sumber-sumber berkaitan yang sangat bernilai. Ucapan terima kasih juga kepada Arkib Negara Cawangan Pulau Pinang yang membantu saya mendapat bahan-bahan yang diperlukan.

Ucapan terima kasih juga kepada suami dan anak saya yang membantu saya dalam kerja-kerja teknikal serta sokongan moral mereka. Ucapan terima kasih juga kepada rakan-rakan saya yang sering kali membantu dan mendorong dalam proses menyiapkan kajian ini serta mereka yang tidak dapat disebutkan yang secara langsung atau tidak langsung membantu semasa kajian dijalankan. Terima Kasih.

Vasanthy A/P Nadesan  
Jabatan Sejarah  
Universiti Malaya.

## **ABSTRACT**

Amongst the Indian immigrants it was the traders that played an important role in the field of politics, social and economy of the Malay States. Thus this dissertation aims to study the “Formation of The Indian Chambers of Commerce in the West Coast of Peninsula Malaysia before Independence”. In the beginning, traders came only to supply daily needs to the Indian settlers here. Eventually, an Indian Chambers of Commerce was set up to protect the safety and welfare of the traders. As a move to strengthen its position, these chambers were then united to form The Associated Indian Chambers of Commerce and Industry.

This study also examines the role of the chambers in the field of politics, social and economy and discusses the problems encountered. Since the Legislative Council of Federation of Malaya is represented by a member of the Indian Chambers of Commerce, this study ends with a discussion of the role it plays there.

<b>KANDUNGAN</b>	<b>HALAMAN</b>
Pengakuan	iv
Penghargaan	v
Abstrak	vi
Kandungan	vii
Singkatan	viii
Senarai Jadual	ix
Senarai Peta	x
Senarai Gambar	xi
Senarai Lampiran	xii
Pendahuluan	xiii
<b>BAB 1: LATARBELAKANG ORANG INDIA DI TANAH MELAYU</b>	<b>1</b>
<b>BAB 2: PERKEMBANGAN DEWAN-DEWAN PERNIAGAAN INDIA NEGERI</b>	<b>23</b>
<b>BAB 3: PERKEMBANGAN GABUNGAN DEWAN PERNIAGAAN INDIA PERSEKUTUAN TANAH MELAYU</b>	<b>53</b>
<b>BAB 4: PERANAN DEWAN-DEWAN PERNIAGAAN INDIA SEHINGGA TAHUN 1945</b>	<b>67</b>
<b>BAB 5. MASALAH YANG DIHADAPI OLEH DEWAN PERNIAGAAN INDIA NEGERI SEHINGGA TAHUN 1945</b>	<b>90</b>
<b>BAB 6: KEGIATAN DEWAN-DEWAN PERNIAGAAN INDIA DARI TAHUN 1946 HINGGA 1957</b>	<b>103</b>
<b>BAB 7: PERANAN WAKIL DEWAN PERNIAGAAN INDIA DALAM MAJLIS LEGISLATIF PERSEKUTUAN TANAH MELAYU</b>	<b>122</b>
<b>KESIMPULAN</b>	<b>148</b>
<b>BIBLIOGRAFI</b>	<b>156</b>
<b>LAMPIRAN</b>	<b>165</b>

## **SENARAI SINGKATAN**

<b>ASEAN</b>	- Association of Southeast Asian Nations
<b>BISN.CO</b>	- British India Steam Navigation Company
<b>DPI</b>	- Dewan Perniagaan India
<b>DPIS</b>	- Dewan Perniagaan India Selangor
<b>DPIP</b>	- Dewan Perniagaan India Perak
<b>DPIPP</b>	- Dewan Perniagaan India Pulau Pinang
<b>DPPIM</b>	- Dewan Perniagaan dan Perusahaan India Melaka
<b>FMS</b>	- Federated Malay States
<b>GDPI</b>	- Gabungan Dewan Perniagaan India
<b>GDPIPTM</b>	- Gabungan Dewan Perniagaan India Persekutuan Tanah Melayu
<b>JP</b>	- Justice of the Peace
<b>MCA</b>	- The Malayan Chinese Association
<b>MIC</b>	- The Malayan Indian Congress
<b>NNS</b>	- Negeri-negeri Selat
<b>NNMB</b>	- Negeri-negeri Melayu Bersekutu
<b>UMNO</b>	- United Malay National Organization
<b>PSSIS</b>	- Pertubuhan Saudagar-saudagar India Selangor

## SENARAI JADUAL

<b>Tajuk Jadual</b>	<b>Halaman</b>
Jadual 1: Perbandingan buruh kontrak dan buruh bebas	9
Jadual 2: Perbandingan buruh bebas dan buruh kontrak	10
Jadual 3: Presiden dan setiausaha kehormat Dewan Perniagaan India Pulau Pinang dari tahun 1945 hingga 1958	30
Jadual 4: Pendapatan dan Perbelanjaan Pertubuhan Saudagar-saudagar India Selangor sehingga tahun 1931	34
Jadual 5: Presiden dan setiausaha kehormat Dewan Perniagaan India Selangor dari tahun 1928 hingga 1959	40
Jadual 6: Presiden dan setiausaha kehormat Dewan Perniagaan India Perak dari tahun 1937 hingga 1957	43
Jadual 7: Presiden Gabungan Dewan Perniagaan India dari tahun 1950 hingga 1957	57
Jadual 8: Peratus perdagangan di antara Negeri-negeri Selat dan Amerika Syarikat Dari tahun 1913 hingga 1938.	68
Jadual 9: Nilai perdagangan di antara Tanah Melayu dan India di antara tahun 1934 dan 1935	90
Jadual 10: Bilangan penumpang dari pelabuhan Madras ke Tanah Melayu	92
Jadual 11: Bilangan penumpang dari Tanah Melayu ke Madras	92
Jadual 12: Nilai pertukaran matawang Negeri-negeri Selat dengan Negara-negara lain	94
Jadual 13: Import sari kapas dari Britain dan Jepun	95
Jadual 14: Analisis Bilangan Perniagaan yang didaftarkan pada tahun 1948	130

## **SENARAI PETA**

<b>Tajuk Peta</b>	<b>Halaman</b>
Peta 1 Bandar Kuala Lumpur pada tahun 1889an	32

## **SENARAI GAMBAR**

<b>Tajuk Gambar</b>	<b>Halaman</b>
Gambar 1: Ahli-ahli Dewan Perniagaan India Selangor pada tahun 1929	35
Gambar 2: Bangunan Dewan Perniagaan India Selangor yang dibina pada Tahun 1959	38
Gambar 3: Ahli-ahli Jawatankuasa kerja Dewan Perniagaan India Selangor pada tahun 1948	39
Gambar 4: Narashima Iyengar	48
Gambar 5: G.S.Gill	63
Gambar 6: S.O.K.Ubaidulla	143

## **LAMPIRAN**

<b>Tajuk</b>	<b>Halaman</b>
·ampiran 1: Perbandingan Buruh India di Tanah Melayu antara tahun 1933 dan 1934	165
·ampiran 2: Rumah kediaman buruh-buruh di Ladang Bukit jok pada tahun 1910an	166
·ampiran 3: Keadaan pelabuhan Kelang pada tahun 1920an	167
·ampiran 4: Senarai presiden dan setiausaha kehormat Dewan Perniagaan India Pulau Pinang dari tahun 1945- 2001	168
·ampiran 5: Senarai ahli-ahli Dewan Perniagaan India Pulau Pinang pada tahun 1956	169
·ampiran 6: Surat kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian yang ditulis oleh setiausaha Dewan Perniagaan India Pulau Pinang pada tahun	171
·ampiran 7: Senarai Dewan-dewan Perniagaan India yang terdapat di Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1955	172
·ampiran 8: Senarai presiden dan setiausaha kehormat Dewan Perniagaan India Kuala Lumpur dan Selangor dari tahun 1928-1986	173
·ampiran 9: Analisis Pendaftaran Perniagaan pada tahun 1949	174
·ampiran 10: Permohonan pendaftaran perniagaan yang diterima pada tahun 1947 dan 1948	175
·ampiran 11: S.O.K.Ubaidulla bersama Manickavasagam pada tahun 960an	176

## **PENDAHULUAN**

### **Objektif Kajian**

Objektif kajian Perkembangan Dewan Perniagaan dan Perindustrian di Pantai Barat Semenanjung Malaysia Sebelum Merdeka adalah bagi mengkaji penglibatan orang-orang India dalam perniagaan pada awal abad ke 20, iaitu semasa penjajahan British yang membawa kepada penubuhan Dewan Perniagaan India bagi menjaga kebijakan dan kepentingan para peniaga. Dalam kajian ini dibincangkan tentang peranan yang dimainkan oleh Dewan Perniagaan India dalam bidang pentadbiran, ekonomi dan sosial di Pantai Barat Semenanjung Malaysia sejak tahun 1930an hingga 1957. Kajian juga memperinci masalah yang dihadapi oleh Dewan Perniagaan India.

### **Matlamat Kajian**

Matlamat kajian ini adalah bagi mengkaji tentang masyarakat India kerana penulisan tentang mereka adalah sangat kurang. Kebanyakan penulisan sejarah tentang orang India bertumpu kepada sosial dan politik di zaman pemerintahan British. Penulisan tentang kegiatan ekonomi orang India tidak dititikberatkan selain tentang buruh-buruh di ladang. Kajian ini bersifat permulaan bagi mengkaji secara mendalam tentang kegiatan ekonomi orang India terutamanya penglibatan mereka dalam perniagaan. Walaupun majoriti orang India semasa pemerintahan British merupakan buruh tetapi segelintir daripada mereka terlibat dalam pelbagai kegiatan ekonomi. Oleh itu saya pilih tajuk kajian ini sebagai satu usaha permulaan untuk menghasilkan sesuatu baru serta diharap dijadikan koleksi penulisan tentang masyarakat India.

## **Skop Kajian**

Skop kajian ini merangkumi jangkamasa Dewan-dewan Perniagaan Dewan India ditubuhkan di Pantai Barat Semenanjung Malaysia, iaitu pada tahun 1920an sehingga Tanah Melayu mencapai kemerdekaan. Perkembangan Dewan-dewan Perniagaan India yang dibincangkan dalam kajian ini ialah Dewan Perniagaan India Pulau Pinang, Selangor, Perak dan Melaka serta Gabungan Dewan Perniagaan India. Dalam bab pertama dibincangkan tentang latarbelakang orang India di Tanah Melayu. Dalam bab ini dibincangkan tentang hubungan India dan Tanah Melayu dan kedatangan orang-orang India sebelum dan selepas kedatangan British serta tentang golongan imigran-imigran India yang datang ke Tanah Melayu.

Dalam bab kedua dibincangkan tentang latarbelakang penubuhan Dewan-dewan Perniagaan India dan perkembangannya. Dalam bab ketiga dibincangkan tentang latarbelakang penubuhan Gabungan Dewan Perniagaan India dan perkembangannya serta struktur organisasinya. Dalam bab keempat dibincangkan tentang peranan yang dimainkan oleh Dewan-dewan Perniagaan India dari segi ekonomi, politik dan sosial sehingga tahun 1945. Dalam bab kelima dibincangkan tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh Dewan Perniagaan India sehingga tahun 1945, iaitu termasuk semasa Pendudukan Jepun di Tanah Melayu. Dalam bab keenam dibincangkan tentang kegiatan Dewan-dewan Perniagaan India dari tahun 1946 hingga 1957 dari segi ekonomi, politik, dan sosial. Oleh kerana wakil Dewan Perniagaan India juga mewakili dewan dalam Majlis Legislatif Persekutuan Tanah Melayu, maka dalam bab ketujuh atau terakhir dibincangkan tentang peranan yang dimainkan oleh wakil Dewan Perniagaan India dalam Majlis Legislatif dari segi ekonomi, politik dan sosial.

Di akhir setiap bab telah dirumuskan tentang perbincangan kajian bab tersebut. Perbincangan setiap bab telah dikaitkan dengan bab sebelumnya.

Dalam kesimpulan kajian ini telah dibincangkan atau dirumuskan keseluruhan kajian.

### **Kaedah Kajian**

Kaedah kajian yang digunakan adalah kajian perpustakaan, kajian Arkib Negara dan temubual. Kajian perpustakaan dijalankan bagi melihat segala penulisan yang telah menyentuh tentang masyarakat India seperti buku-buku, jurnal-jurnal, artikel-artikel dan sebagainya. Kajian Arkib Negara Malaysia dijalankan bagi mengkaji sumber-sumber primer seperti mengkaji artikel-artikel yang diterbitkan tentang Dewan Perniagaan India dalam akhbar-akhbar, terbitan-terbitan Dewan Perniagaan India dan dewan perniagaan lain, fail-fail serta surat-menyurat dewan ini dan sebagainya. Kajian juga telah dijalankan secara temubual dengan ahli-ahli dewan perniagaan ini terutamanya setiausaha-setiausaha dewan dan tokoh-tokoh yang mempunyai hubungan dengan Dewan Perniagaan India.

### **Ulasan Literatur**

Oleh kerana tajuk kajian ini merupakan sesuatu yang baru, tidak ada penulisan tentang Dewan Perniagaan India secara khusus dan juga tentang kegiatan ekonomi orang India secara umum. Selain buruh-buruh, semua penulisan tentang ekonomi orang India hanya dibincangkan secara umum sahaja atau hanya menyentuh sedikit sahaja. Ulasan Literatur dibuat dengan meneliti penulisan-penulisan yang telah membincangkan tentang orang India bagi mendapat satu gambaran tentang masyarakat India. Buku-buku yang telah dirujuk ialah *Indian in Malaysia and Singapura* yang telah ditulis oleh Sinnappah Arasaratnam. Dalam buku ini telah dibincangkan tentang kedatangan orang India ke Tanah Melayu, masalah-masalah buruh dan kesedaran politik di kalangan masyarakat orang India dari tahun 1800 hingga 1945.

Tesis berjudul '*Social and Political Developments in the Indian Community of Malaya 1920-1941*' yang telah ditulis oleh Rajeswary Ampalavanar juga telah dirujuk. Tesis ini telah membincangkan tentang kedatangan imigran-imigran India, perubahan dan perkembangan sosial dan politik yang dialami oleh imigran-imigran India serta bagaimana mereka telah menyesuaikan diri dengan keadaan tempatan.

Seterusnya buku yang telah dirujuk ialah *Indian Problems in Malaya: A Brief Survey in Relation to Emigration* yang telah ditulis oleh Neelakander Aiyer. Turnuan utama buku ini adalah tentang keadaan buruh-buruh India di Tanah Melayu serta analisis juga telah dibuat tentang penglibatan orang India dalam pelbagai kegiatan ekonomi sehingga tahun 1938.

Selain dari buku, terbitan-terbitan keluaran Dewan Perniagaan India juga telah dirujuk untuk mendapat satu gambaran dan maklumat. Perlembagaan Dewan Perniagan dan Perindustrian India Kuala Lumpur dan Selangor telah dirujuk untuk mendapatkan maklumat tentang bidang kuasa ahli jawatankuasa dan ahli-ahlinya. Terbitan Perayaan Jubli Intan dan Golden Jubli Dewan Perniagaan dan Perindustrian Kuala Lumpur dan Selangor telah dirujuk untuk mendapatkan latarbelakang penubuhan Dewan-dewan Perniagaan India serta aktiviti-aktivitinya. Terbitan Dewan Perniagaan India Pulau Pinang *Golden Jubilee Souvenir* telah dirujuk dan mendapat sedikit maklumat tentang sejarah penubuhannya.

### **Masalah Kajian**

Masalah kajian yang dihadapi dalam menyiapkan disertasi ini ialah tidak ada bahan panduan tentang tajuk kajian kerana ia adalah sesuatu yang belum dikaji lagi. Oleh itu risalah-risalah yang diterbitkan oleh Dewan-dewan Perniagaan sahaja dijadikan panduan untuk mendapatkan maklumat asas. Temubual dengan kakitangan Dewan-dewan Perniagaan India juga tidak banyak

memberi faedah kerana tempoh kajian ini adalah sebelum merdeka dan bahan-bahan pada masa itu tidak lengkap dan kakitangan yang baru kurang prihatin tentang perkembangan dan masalah yang dihadapi oleh dewan pada masa dahulu. Oleh kerana bekas-bekas presiden atau tokoh-tokoh Dewan Perniagaan India lama sudah uzur atau sibuk menguruskan perniagaan susah untuk mendapat temujanji untuk menemubual mereka. Oleh itu dengan berpandukan maklumat tentang tahun-tahun penubuhan sesuatu Dewan Perniagaan India, akhbar-akhbar di sekitar pada masa itu telah dirujuk untuk mendapatkan maklumat lengkap. Oleh itu terpaksa bergantung kepada bahan-bahan yang terdapat berkaitan dengan tajuk dan relevan sahaja untuk menyiapkan disertasi ini.